

Pengetua /Guru Besar,  
SMK/SK/SJKC/SJKT,  
Wilayah Persekutuan

Y.Bhg.Datin/Tuan /Puan,

### **TAWARAN SEBUT HARGA KANTIN DAN PELANJUTAN PERJANJIAN PENYEWAAN KANTIN**

Adalah saya dengan hormatnya diarah merujuk Buku Panduan Pengurusan Kantin Sekolah keluaran 2008, perkara 5 muka surat 25 hingga 28 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pengurusan sesebuah kantin sekolah adalah merupakan tanggungjawab bersama Pengetua atau Guru Besar, Guru Penolong Kanan (Hal Ehwal Murid) dan Pengusaha kantin. Oleh itu pihak sekolah dikehendaki **menubuhkan Jawatankuasa Kantin** yang dianggotai oleh Pengetua/Guru Besar, guru-guru penolong kanan, Guru kantin, wakil guru, wakil staf sokongan, wakil murid, wakil PIBG dan wakil Ahli Lembaga Pengurus bagi Sekolah Bantuan Modal (jika perlu).

3. Semua sekolah diingatkan **membentuk Jawatan kuasa Buka Peti Sebut Harga** dan **Jawatankuasa Sebut harga** seperti berikut:

3.1 **Jawatankuasa Buka Peti Sebut Harga –bagi semua sekolah**

Pengerusi - Penolong Kanan Pentadbiran  
Ahli - 2 orang guru  
Tempat - Sekolah masing-masing  
Tarikh - Sebelum mesyuarat **Jawatankuasa Sebut Harga** diadakan.

3.2 **Jawatankuasa Sebut Harga –bagi semua sekolah Menengah**

Pengerusi - Pengetua  
Ahli - Sekurang-kurangnya dua(2) orang guru kanan sekolah  
Tempat - Sekolah masing-masing  
Masa - Waktu pejabat

3.3 **Jawatankuasa Sebut Harga –bagi semua sekolah rendah**

Pengerusi - Guru Besar  
Ahli - Seorang penolong kanan sekolah (**GPK HEM**)  
Seorang wakil JPN/PP Kumpulan Pengurusan & Profesional.  
Tempat - Pejabat Pelajaran masing-masing  
Masa&Tarikh - **Sila berhubung dengan Penolong Pengarah atau Penyelia HEM Pejabat Pelajaran.**

4. Sehubungan itu bagi sekolah yang tempoh Kontrak Perjanjian kantin 2 tahun yang akan tamat pada akhir Tahun 2010, diingatkan agar pihak sekolah boleh mula membuat iklan tawaran Sebut Harga seawal 3 atau 4 bulan sebelum tamat kontrak.

5. Permohonan Pelanjutan Penyewaan Kantin (1 tahun), Pengusaha Kantin dikehendaki menghantar surat permohonan kepada Pengetua/GB 3 atau 4 bulan sebelum tamat kontrak dan AJK Kantin hendaklah membuat keputusan samada menyokong atau menolak permohonan tersebut. Surat jawapan kepada pengusaha diuruskan oleh pihak sekolah.

6. Bersama-sama ini disertakan beberapa lampiran yang berkaitan sebagai panduan untuk tindakan Y.Bhg.Datin/Tuan/Puan selanjutnya.

Segala kerjasama Y.Bhg.Datin/Tuan/Puan berikan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**(HAJI MOHD ADENAN BIN DERAMAN)**

Pengarah Pelajaran

Jabatan Pelajaran Negeri Wilayah Persekutuan.

- s.k
- Timbalan Pengarah Pelajaran PP Keramat
  - Timbalan Pengarah Pelajaran PP Sentul
  - Timbalan Pengarah Pelajaran PP Bangsar/ Pudu
  - Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan
  - Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid
  - Ketua Unit Hal Ehwal Murid

**\*catatan** - *Ahli bagi Jawatankuasa Buka Peti Sebut Harga dan Jawatankuasa Sebut Harga adalah terdiri dari orang yang berlainan.*